PANDUAN PERMOHONAN DAN SYARAT-SYARAT PERSONEL PUSAT BERTAULIAH, PUSAT LATIHAN DAN SYARIKAT SLDN

JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
MALAYSIA

Kandungan

1. Pendahuluan 5

2. Mula Berkuatkuasa 5

3. Tafsiran 5

4. Personel Pusat Bertauliah 9

4.1 Pengurus Pusat Bertauliah 9
4.1.1 Peranan dan tanggunjawab 9
4.1.2 Kriteria 9
4.2 Pegawai Pengesah Dalaman 9
4.2.1 Peranan dan tanggunjawab 9
4.2.2 Kriteria 10
4.3 Kriteria Pegawai Penilai 11
4.3.1 Peranan dan tanggunjawab 11
4.3.2 Kriteria 11
4.4 Pegawai Penilai-Pegawai Latihan Vokasional 12
4.4.1 Peranan dan tanggunjawab 12
4.4.2 Kriteria 13
4.5 Pegawai Pengesah Dalaman-Pegawai Latihan Vokasional 14
4.5.1 Peranan dan tanggunjawab 14
4.5.2 Kriteria 15

5. Pusat latihan dan Syarikat SLDN 15
5.1 *Coach* 15
5.1.1 Peranan dan tanggungjawab 15
5.1.2 Kriteria 15
5.2 Pengajar SLDN 16

5.2.1 Peranan dan tanggungjawab 16
5.2.2 Kriteria 16

6. Syarat-syarat Khusus 17

7. Kelulusan 18

8. Syarat-syarat Umum 18

9. Tempoh Lantikan 18

10. Prosedur Permohonan 19

11. Pembaharuan Tempoh Lantikan 19

SENARAI KEPENDEKAN

CIAST	Pusat Latihan Pengajar Dan Kemahiran Lanjutan
DLKM	Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia
DKM	Diploma Kemahiran Malaysia
eJPK	Sistem Aplikasi Online Jabatan Pembangunan Kemahiran
JPK	Jabatan Pembangunan Kemahiran
NOSS	*National Occupational Skills Standard*
PB	pusat bertauliah
PC	Penyata Pencapaian
PP	Pegawai Penilai
PPB	Pengurus Pusat Bertauliah
PPD	Pegawai Pengesah Dalaman
PP-PLV	Pegawai Penilai-Pegawai Latihan Vokasional
PPD-PLV	Pegawai Pengesah Dalaman- Pegawai Latihan Vokasional
PSLDN	Pengajar SLDN
PLV	Pegawai Latihan Vokasional
PPT	Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu
SLDN	Sistem Latihan Dual Nasional
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia
VTO	*Vocational Training Officer*
VTE	*Vocational Training Executive*
VTM	*Vocational Training Manager*

1. PENDAHULUAN

1.1 Panduan ini disediakan untuk menerangkan kriteria, syarat dan mekanisma permohonan personel pusat bertauliah, pusat latihan dan syarikat SLDN yang ingin mendaftar sebagai Pengurus Pusat Bertauliah (PPB), Pegawai Pengesah Dalaman (PPD) dan Pegawai Penilai (PP), Pegawai Pengesah Dalaman-Pegawai Latihan Vokasional (PPD-PLV) dan Pegawai Penilai-Pegawai Latihan Vokasional (PP-PLV), *Coach* dan Pengajar SLDN.

1.2 Pendaftaran sebagai personel pusat bertauliah, pusat latihan dan syarikat SLDN adalah bertujuan untuk mendapatkan Perakuan Pengiktirafan Kelayakan Mengajar.

1.3 Permohonan dan pendaftaran sebagai personel pusat bertauliah, pusat latihan dan syarikat SLDN hendaklah melalui laman web http://www.ejpk.gov.my.

2. TARIKH KUATKUASA

Panduan ini berkuatkuasa pada **28 Disember 2010** dan panduan yang terdahulu adalah terbatal.

3. TAFSIRAN

Dalam panduan ini, tafsiran yang dimaksudkan adalah seperti berikut :

- ***"Coach"*** ertinya individu di syarikat yang memenuhi kelayakan yang ditetapkan dan berdaftar dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran;

- **"Diploma Pengajar Vokasional"** ertinya suatu kelayakan yang dikeluarkan oleh Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan;
- **"Institut Latihan Awam"** ertinya suatu institut latihan di bawah agensi kerajaan yang mengendalikan latihan kemahiran;
- **"Institut Latihan Swasta"** ertinya suatu institut latihan swasta yang mengendalikan latihan kemahiran;
- **"*Intern*"** ertinya pelatih bagi program VTO yang menjalani latihan internship;
- **"*Internship*"** ertinya latihan mengajar yang diselia di institusi latihan kemahiran;
- **"Jabatan"** ertinya Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia;
- **"Kemahiran"** ertinya suatu kebolehan yang diperoleh dan yang diamalkan untuk menjalankan sesuatu tugas atau kerja dengan cekap;
- **"Ketua Pengarah"** ertinya Ketua Jabatan bagi Jabatan Pembangunan Kemahiran;
- **"Kursus Induksi Pentauliahan"** ertinya kursus pengenalan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia kepada mana-mana individu;
- **"*NOSS*"** ertinya dokumen *National Occupational Skills Standard* atau Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) yang menggariskan keterampilan yang diperlukan oleh seseorang pekerja mahir yang berkerja di Malaysia bagi sesuatu bidang dan tahap pekerjaan serta laluan untuk mencapai keterampilan tersebut;
- **"pelatih"** ertinya seseorang yang menerima latihan kemahiran yang disediakan oleh penyedia latihan kemahiran;
- **"Pegawai Pengesah Dalaman"** ertinya seseorang yang memenuhi kelayakan yang ditetapkan, dan ditauliah oleh Ketua Pengarah untuk melaksanakan pengesahan dalaman hanya di pusat bertauliah yang ditetapkan;
- **"Pegawai Pengesah Dalaman - Pegawai Latihan Vokasional"** ertinya seorang personel yang berkelayakan dan berkemahiran dalam

bidangnya,dan ditauliah oleh JPK untuk melaksanakan program Pegawai Latihan Vokasional;

- **"Pegawai Penilai"** ertinya pengajar di pusat bertauliah yang memenuhi kelayakan yang ditetapkan dan ditauliah oleh Ketua Pengarah untuk melaksanakan penilaian keterampilan calon di pusat bertauliah yang ditetapkan;
- **"Pegawai Penilai - Pegawai Latihan Vokasional"** ertinya seorang personel yang berkelayakan dan berkemahiran dalam bidangnya, dan ditauliah oleh JPK untuk melaksanakan program Pegawai Latihan Vokasional;
- **"Pengajar SLDN"** ertinya individu yang bertanggungjawab dalam latihan kemahiran SLDN bagi membimbing, menyelia dan menilai kebolehan seseorang perantis untuk mengasimilasikan aspek teori dan amali;
- **"Pengurus Pusat Bertauliah"** ertinya seseorang yang diberikan kuasa oleh pemilik pusat bertauliah dan berdaftar dengan Ketua Pengarah untuk mentadbir pelaksanaan pentauliahan;
- **"Perakuan Pengiktirafan"** ertinya kelulusan yang diberikan oleh Ketua Pengarah terhadap kelayakan yang dimiliki oleh individu;
- **"Perantis"** ertinya seseorang yang menerima latihan kemahiran yang disediakan oleh penyedia latihan SLDN untuk mendapatkan kelayakan kemahiran melalui program Sistem Latihan Dual Nasional;
- **"personel pentauliahan"** ertinya seseorang yang dilantik oleh pusat bertauliah dan diiktiraf oleh JPK sebagai Pengurus Pusat bertauliah (PPB), Pegawai Pengesah Dalaman (PPD) dan Pegawai Penilai (PP);
- **"program latihan"** ertinya suatu kumpulan aktiviti latihan dan penilaian, dan hasil pembelajaran bagi sesuatu pekerjaan tertentu;
- **"pusat bertauliah"** ertinya satu penyedia latihan kemahiran yang telah diberi kuasa oleh Ketua Pengarah untuk menjalankan suatu program bertauliah sehingga kepada penganugerahan suatu Sijil;

- **"Pusat Latihan SLDN"** ertinya Penyedia Latihan yang berdaftar dengan JPK dan menjalankan latihan secara bersama dengan Syarikat untuk melaksanakan program SLDN;
- **"Sektor"** ertinya bidang kemahiran yang berasaskan kelompok industri;
- **"Sijil"** ertinya kelayakan kemahiran yang dianugerahkan kepada seseorang oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 34 Akta 652;
- **"Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia"** ertinya polisi, mekanisme Standard dan tatacara yang terlibat dalam penganugerahan suatu sijil oleh Ketua Pengarah;
- **"Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)"** ertinya konsep latihan yang melibatkan latihan yang dijalankan di dua tempat iaitu di Syarikat yang meliputi 70% hingga 80% latihan amali dan di Pusat Latihan SLDN yang meliputi 20% hingga 30% latihan teori;
- **"Sub-sektor"** ertinya pecahan bidang kemahiran dalam sesuatu sektor;
- **"Syarikat SLDN"** ertinya sebuah organisasi yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Pendaftar Pertubuhan bagi menjalankan sesuatu perniagaan dan yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah untuk melaksanakan program SLDN.

4. PERSONEL PUSAT BERTAULIAH

4.1 Pengurus Pusat Bertauliah (PPB)

4.1.1 Peranan dan Tanggungjawab

i) Mengurus, memantau dan mengawalselia pelaksanaan latihan kemahiran melalui Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia;
ii) Menjadi pegawai perhubungan di antara Jabatan dan PB;
iii) Bertanggungjawab dalam mematuhi apa-apa peraturan dan arahan Jabatan berkaitan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia;
iv) Mengambil tindakan susulan terhadap komen dan cadangan penambahbaikan berterusan; dan
v) Memastikan segala program yang ditawarkan menepati keperluan *NOSS* terkini.

4.1.2 Kriteria

i) Warganegara Malaysia;
ii) Berumur sekurang-kurangnya 18 tahun;
iii) Ketua kepada organisasi atau pegawai yang diberi tanggungjawab untuk mentadbir organisasi berkenaan;
iv) Berkhidmat di satu Pusat Bertauliah sahaja; dan
v) Lulus Kursus Induksi PP/PPD/PPB.

4.2 Pegawai Pengesah Dalaman

4.2.1 Peranan dan Tanggungjawab

i) Mengurus, memantau dan mengawalselia pelaksanaan latihan

kemahiran di dalam kelompok sektor kemahirannya;

ii) Merangka prosedur dan dokumen pelaksanaan latihan kemahiran di Pusat Bertauliah;

iii) Mengawal dan memantau sistem jaminan mutu latihan dan penilaian dalaman mengikut kehendak *NOSS* terkini; dan

iv) Memastikan penilaian dijalankan secara seragam dan sempurna mengikut kehendak *NOSS* dan apa-apa peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan.

4.2.2 Kriteria

i) Warganegara Malaysia ;

ii) Berumur sekurang-kurangnya 18 tahun;

iii) Berkhidmat di satu Pusat Bertauliah sahaja;

iv) Lulus Kursus Induksi PP/PPD/PPB; dan

v) Memiliki :

(a) SKM dalam Sub sektor yang berkaitan pada satu tahap yang lebih tinggi atau tertinggi untuk mengesahkan penilaian program bertauliah bagi program tahap 1 dan tahap 2;

(b) SKM/DKM/DLKM dalam Sub sektor yang berkaitan pada tahap yang sama atau lebih tinggi untuk mengesahkan penilaian program bertauliah bagi tahap 3 ke atas;

(c) Diploma dengan dua tahun pengalaman kerja dalam Sub sektor yang berkaitan untuk mengesahkan penilaian program bertauliah untuk Diploma Kemahiran Malaysia;

(d) Ijazah dengan dua tahun pengalaman kerja dalam Sub sektor yang berkaitan untuk mengesahkan penilaian program bertauliah untuk Diploma Kemahiran Malaysia atau Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia; atau

(e) mana-mana kelayakan kemahiran berkaitan yang diluluskan

oleh Ketua Pengarah dengan sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman kerja yang berkaitan (Rujuk *Lampiran 1*).

4.3 Pegawai Penilai

4.3.1 Peranan dan tanggungjawab

i) Merangka prosedur latihan dan penilaian latihan bersama PPD.
ii) Menjelaskan kepada calon tentang objektif, keperluan latihan dan penilaian keterampilan berdasarkan *NOSS* terkini.
iii) Melaksanakan proses latihan dan penilaian dengan berkesan, telus dan sahih.
iv) Membimbing calon dalam penyediaan rekod bukti keterampilan.
v) Memantau perkembangan prestasi dan membimbing pelatih pada setiap keterampilan.
vi) Melaksana keperluan pendaftaran dan persijilan melalui sistem yang ditetapkan.

4.3.2 Kriteria

(i) Warganegara Malaysia ;
(ii) Berumur sekurang-kurangnya 18 tahun;
(iii) Berkhidmat di satu Pusat Bertauliah sahaja;
(iv) Lulus Kursus Induksi PP/PPD/PPB;
(v) Bagi bidang-bidang yang mempunyai kaitan dengan badan penguatkuasaan dan pelesenan, perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh badan berkuasa berkaitan (Sila rujuk *Lampiran 2*); dan
(vi) Memiliki :

(a) SKM dalam program yang berkaitan pada satu tahap yang lebih tinggi atau tertinggi untuk mengendalikan penilaian program

bertauliah bagi program tahap 1 dan tahap 2;

(b) SKM/DKM/DLKM dalam program yang berkaitan pada tahap yang sama atau lebih tinggi untuk mengendalikan penilaian program bertauliah bagi tahap 3 ke atas;

(c) Diploma dengan dua tahun pengalaman kerja dalam program yang berkaitan untuk mengendalikan penilaian program bertauliah untuk Diploma Kemahiran Malaysia;

(d) Ijazah dengan dua tahun pengalaman kerja dalam program yang berkaitan untuk mengendalikan penilaian program bertauliah untuk Diploma Kemahiran Malaysia atau Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia; atau

(e) Mana-mana kelayakan kemahiran berkaitan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah dengan sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman kerja yang berkaitan (Rujuk Lampiran 1).

(vii) Memiliki :

(a) Sijil Kemahiran Malaysia dalam program Pegawai Latihan Vokasional, VTO (I-031-3); atau

(b) Mana-mana Sijil Teknik Mengajar yang diluluskan oleh Ketua Pengarah (Sila rujuk *Lampiran 3*).

4.4 Pegawai Penilai - Pegawai Latihan Vokasional

4.4.1 Peranan dan Tanggungjawab

i) Merangka prosedur latihan dan penilaian latihan bersama PPD;

ii) Menjelaskan kepada calon tentang objektif, keperluan latihan dan penilaian keterampilan berdasarkan *NOSS* terkini;

iii) Melaksanakan proses latihan dan penilaian dengan berkesan, telus dan sahih;

iv) Membimbing calon dalam penyediaan rekod bukti keterampilan;

v) Memantau perkembangan prestasi dan membimbing pelatih pada setiap Keterampilan;

vi) Melaksana keperluan pendaftaran dan persijilan melalui sistem yang ditetapkan;

vii) Melaksanakan pemantauan terhadap prestasi intern semasa internship;

viii) Menilai dan mengesahkan bukti-bukti dalam buku log *intern* semasa Lawatan;

ix) Mengatur lawatan verifikasi luaran sebelum *intern* menamatkan internship;

x) Mengambil tindakan penambahbaikan berterusan.

4.4.2 Kriteria

(i) Warganegara Malaysia ;

(ii) Berumur sekurang-kurangnya 18 tahun;

(iii) Berkhidmat di satu Pusat Bertauliah sahaja;

(iv) Lulus Kursus Induksi PP/PPD/PPB; dan

(v) Keperluan mengikut tahap yang dinilai seperti berikut :

a) Pegawai Latihan Vokasional – VTO (I-031-3)

Memiliki :

1. Sijil Pegawai Latihan Vokasional – VTO (I-031-3) atau setara (Rujuk lampiran 3) dan pengalaman mengajar sekurang-kurangnya **lima tahun**; atau
2. Mengajar program Pengajar Vokasional/Teknik Mengajar Vokasional sekurang-kurangnya **tujuh tahun** pengalaman.

b) Diploma Eksekutif Latihan Vokasional - VTE (I-031-4)

Memiliki :

1. Diploma Lanjutan Pengurus Latihan Vokasional – VTM (I-031-5);
2. Diploma Eksekutif Latihan Vokasional – VTE (I-031-4) dan **dua tahun** pengalaman mengajar latihan kemahiran; atau
3. Sijil Pegawai Latihan Vokasional – VTO (I-031-3) dan **tujuh tahun** pengalaman mengajar latihan kemahiran.

c) Diploma Lanjutan Pengurus Latihan Vokasional – VTM (I-031-5)

Memiliki :

1. Diploma Lanjutan Pengurus Latihan Vokasional – VTM (I-031-5) dan **dua tahun** pengalaman mengajar latihan kemahiran; atau
2. Diploma Eksekutif Latihan Vokasional – VTE (I-031-4) dan **lima tahun** pengalaman mengajar latihan kemahiran.

4.5 Pegawai Pengesah Dalaman - Pegawai Latihan Vokasional

4.5.1 Peranan dan Tanggungjawab

i. Mengurus, memantau dan mengawalselia pelaksanaan latihan kemahiran di dalam bidang metodologi latihan;
ii. Merangka prosedur dan dokumen pelaksanaan latihan kemahiran di Pusat Bertauliah;
iii. Mengawal dan memantau sistem jaminan mutu latihan dan penilaian dalaman mengikut kehendak *NOSS* terkini;
iv. Memastikan penilaian dijalankan secara seragam dan sempurna mengikut kehendak *NOSS* dan apa-apa peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan;
v. Melaksanakan pemantauan terhadap prestasi *intern* semasa *internship*;
vi. Menilai dan mengesahkan bukti-bukti dalam buku log *intern* semasa lawatan;

vii. Mengatur lawatan verifikasi luaran sebelum *intern* menamatkan *internship;* dan

viii. Mengambil tindakan penambahbaikan berterusan.

4.5.2 Kriteria

i. Warganegara Malaysia ;

ii. Berumur sekurang-kurangnya 18 tahun;

iii. Berkhidmat di satu Pusat Bertauliah sahaja;

iv. Lulus Kursus Induksi PP/PPD/PPB;

v. Memiliki sijil program Pengajar Vokasional pada mana-mana tahap yang dipertanggungjawabkan (VTO/VTE/VTM); dan

vi. Pengalaman bekerja sebagai PP-PLV (I-031-3) sekurang-kurangnya 2 tahun.

5. PERSONEL PUSAT LATIHAN DAN SYARIKAT SLDN

5.1 *Coach*

5.1.1 Peranan dan Tanggungjawab

Bertanggungjawab melatih perantis dalam bidang teknikal, metodologi pembelajaran kemahiran dan nilai sosial di industri dan memastikan perantis memenuhi kehendak latihan yang diperlukan mengikut bidang kemahiran.

5.1.2 **Kriteria**

a. Berumur sekurang-kurangnya 21 tahun;
b. Menghadiri Program Latihan Coach Industri yang diiktiraf oleh JPK dengan jayanya;
c. Berkhidmat di satu syarikat SLDN sahaja;
d. Dilantik dikalangan pekerja sepenuh masa atau majikan;
e. Berkhidmat dengan syarikat semasa sekurang-kurangnya 2 tahun dalam bidang berkenaan; dan
f. Berpengalaman sekurang-kurangnya 3 tahun dan mahir dalam program kemahiran yang dipertanggungjawabkan.

5.2 Pengajar SLDN

5.2.1 Peranan dan Tanggungjawab

Bertanggungjawab melatih perantis dalam bidang teknikal dan bukan teknikal dan memastikan perantis memenuhi kehendak latihan yang diperlukan mengikut bidang kemahiran.

5.2.2 Kriteria

a. Hadir dengan jayanya Kursus Induksi SLDN;
b. Menghadiri Program Latihan Tenaga Pengajar SLDN yang diiktiraf oleh JPK dengan jayanya;
c. Berkhidmat di satu Pusat Latihan SLDN sahaja secara sepenuh masa;
d. Dilantik oleh Pusat Latihan SLDN bagi satu program pada satu-satu masa sahaja;
e. Memiliki :

(i) SKM satu tahap yang lebih tinggi daripada program yang ditauliahkan ; atau

(ii) Pengalaman mengajar minima 3 tahun dalam bidang kemahiran berkaitan

f. Bagi program DKM dan DLKM hendaklah memiliki salah satu kriteria berikut:

(i) Diploma dengan dua (2) tahun pengalaman kerja dalam bidang yang berkaitan bagi mengendalikan program di peringkat DKM;

(ii) Ijazah dengan dua (2) tahun pengalaman kerja dalam bidang yang berkaitan bagi mengendalikan program di peringkat DKM dan DLKM; atau

(iii) Mana-mana kelayakan kemahiran berkaitan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah dengan sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman.

6. SYARAT KHUSUS

6.1 Perakuan kelayakan mengajar bagi program-program yang baru di Pusat Bertauliah, personel pentauliahan (PP/PPD) bolehlah diperakukan dengan kelulusan bersyarat bagi tempoh dua (2) tahun setelah memenuhi kriteria berikut :

i. Personel Pentauliahan yang dilantik hendaklah mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 5 tahun dalam bidang ; dan

ii. Personel Pentauliahan yang diperakukan oleh JPK hendaklah mengambil SKM dalam bidang secara PPT. Di dalam tempoh perakuan ini juga PP hendaklah mengikuti kursus VTO I-031-3 samada secara PPT atau di PB yang menjalankan VTO.

6.2 Perakuan kelayakan mengajar boleh dipertimbang untuk diperakukan dengan kelulusan bersyarat kepada personel pentauliahan yang memiliki kelayakan penuh sesuatu modul latihan dalam sebahagian program latihan tertentu. Di dalam tempoh perakuan ini PP hendaklah melengkapkan SKM dalam program yang dipohon secara PPT.

7. KELULUSAN

7.1 Ketua Pengarah boleh memberi **kelulusan penuh** kepada pemohon yang memenuhi kriteria yang ditetapkan di perkara 4 dan 5.

7.2 Ketua Pengarah boleh memberi **kelulusan bersyarat** kepada pemohon yang belum memenuhi kriteria yang ditetapkan di perkara 4 dan 5.

8. SYARAT UMUM

8.1 Semua Perakuan Pengiktirafan Personel adalah tertakluk kepada kelulusan Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran.

8.2 Perakuan kelayakan mengajar bolehlah diberi kepada personel pentauliahan dari kalangan bukan warganegara dalam program-program **kritikal** atau **baru** dengan kebenaran Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran.

8.3 Bagi permohonan untuk bidang-bidang yang melibatkan agensi penguatkuasaan, pemohon mestilah memenuhi ke semua syarat yang ditetapkan oleh pihak JPK dan agensi-agensi terbabit.

9. TEMPOH LANTIKAN

Tempoh sah Surat Perakuan Pengiktirafan Personel Pentauliahan adalah selama **tiga (3)** tahun bagi kelulusan penuh dan **dua (2)** tahun bagi kelulusan bersyarat.

10. PROSEDUR PERMOHONAN

10.1 Permohonan boleh dilakukan secara *online* melalui sistem eJPK yang boleh dicapai melalui URL yang berikut : http://www.ejpk.gov.my atau *hyperlink* dari web http://www.dsd.gov.my.

10.2 Prosedur Permohonan Pengiktirafan Personel Pentauliahan melalui eJPK adalah merujuk kepada Panduan Pengguna yang boleh dimuat turun dari laman web www.ejpk.gov.my.

10.3 Borang permohonan yang telah dicetak melalui *online* perlu dihantar bersama-sama dengan salinan *'hardcopy'* dokumen-dokumen berkaitan iaitu:

10.3.1 Salinan sijil-sijil berkaitan yang telah disahkan;

10.3.2 Surat lantikan daripada Pusat Bertauliah, Pusat Latihan atau Syarikat SLDN sebagai Personel Pentauliahan; dan

10.3.3 Dokumen sokongan yang berkaitan.

10.4 Permohonan yang tidak lengkap atau PALSU akan **DITOLAK.**

11. PEMBAHARUAN TEMPOH LANTIKAN

11.1 Permohonan pembaharuan perakuan pengiktirafan perlu dikemukakan kepada JPK sekurang-kurangnya enam puluh hari (60) hari sebelum tamat tempoh perakuan.

11.2 Permohonan pembaharuan perlu dibuat secara *online* melalui sistem eJPK dan cetakan borang permohonan perlu dikemukakan kepada JPK dengan menyertakan salinan surat perakuan pengiktirafan terdahulu.

11.3 Sebarang keputusan kelulusan adalah tertakluk kepada Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran.

11.4 Permohonan baru dan pembaharuan yang lengkap hendaklah dihantar ke alamat :

Pengarah,
Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST),
Kementerian Sumber Manusia
Jalan Petani 19/1, Seksyen 19,
40900 Shah Alam,
Selangor.
(U.P : Program Pentauliahan Tenaga Pengajar)

Lampiran 1

Kelayakan Kemahiran

Agensi	Kekompetenan	Layak Mengajar
Suruhanjaya Tenaga	PW4	C-051-2
	AO	C-051-3
	A4 dan BO	C-051-4
LLPPKK	Sijil Asas	Tahap 1
	Sijil Pertengahan	Tahap 2
	Sijil Tinggi	Tahap 3

Lampiran 2

Syarat-syarat tambahan bagi program yang melibatkan Badan Berkuasa dan Perlesenan.

Bil	Program	Kod Program	Agensi Penguatkuasa	Syarat	Catatan
1	Child Care	MP-010-1/2/3	JKM	Kursus asas asuhan / jagaan	PP dan PPD diwajibkan mengikuti asas asuhan / jagaan yang diiktiraf oleh JKM

Lampiran 3

Sijil Teknik Mengajar yang diluluskan oleh Ketua Pengarah

BIL	NAMA SIJIL	AGENSI	SYARAT TAMBAHAN
1	Sijil Teknik Mengajar – TM001 (pedagogi)	CIAST, Shah Alam	Tiada
2	Sijil Perguruan Asas (mengikut bidang)	Maktab Perguruan Teknik Kuala Lumpur	Kursus CBT & Pembangunan Kurikulum Berasaskan DACUM
3	Diploma Pengajar Vokasional (mengikut bidang)	CIAST, Shah Alam	Tiada
4	Certificate in Training Practise	Perodua	Tiada
5	Sijil Jurulatih	Angkatan Tentera Malaysia	Tiada
6.	Sijil Kejurulatihan PDRM/Kursus Teknik Mengajar	Maktab Teknik PDRM	Tiada
8.	Kursus Latihan Pengajar Ketukangan	LLPPKK	Tiada
9.	Ijazah Sarjana Muda (Pendidikan – Bidang Kejuruteraan/Teknologi)	IPTA	Kursus CBT & Pembangunan Kurikulum Berasaskan DACUM
10.	Sijil Teknik Mengajar 1 Bulan	CIAST	Pengalaman mengajar sekurang-kurangnya 2 tahun